

Bil. S 26

PERINTAH KESIHATAN MENTAL, 2014

**PERATURAN-PERATURAN KESIHATAN MENTAL
(LEMBAGA PELAWAT), 2014**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran, dan permulaan kuat kuasa.
 2. Tafsiran.
 3. Lantikan Lembaga.
 4. Keahlian Lembaga.
 5. Tempoh lantikan.
 6. Mesyuarat.
 7. Pelawat kemudahan psikiatri dan tempat kediaman psikiatri masyarakat.
 8. Keputusan Lembaga.
-

PERINTAH KESIHATAN MENTAL, 2014

**PERATURAN-PERATURAN KESIHATAN MENTAL
(LEMBAGA PELAWAT), 2014**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 77 dari Perintah Kesihatan Mental, 2014, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini diboleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kesihatan Mental (Lembaga Pelawat), 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kesihatan Mental, 2014.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lembaga” bermakna Lembaga Pelawat yang dilantik di bawah peraturan 3;

“ahli” bermakna seseorang ahli Lembaga;

“Pelawat” bermakna seseorang ahli yang dilantik sedemikian di bawah peraturan 4(1).

Lantikan Lembaga.

3. Menteri hendaklah melantik Lembaga Pelawat bagi setiap kemudahan psikiatri dan tempat kediaman psikiatri masyarakat.

Keahlian Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah mengandungi tidak kurang daripada tiga orang ahli yang akan dilantik oleh Menteri.

(2) Sekurang-kurangnya salah seorang daripada ahli-ahli itu hendaklah seorang perempuan.

(3) Menteri hendaklah melantik salah seorang daripada ahli-ahli itu sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

Tempoh lantikan.

5. (1) Seseorang ahli hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan lebih awal, memegang jawatan bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Menteri boleh menentukan syarat-syarat lantikan dalam surat cara lantikan.

(3) Seseorang itu tidak boleh dilantik sebagai seorang ahli jika dia mempunyai —

(a) apa-apa kepentingan wang, sama ada secara langsung atau tidak langsung; atau

(b) apa-apa kepentingan lain yang bercanggah atau mungkin bercanggah dengan kepentingan terbaik pesakit-pesakit atau mana-mana satu daripada mereka,

di kemudahan psikiatri atau tempat kediaman psikiatri masyarakat.

Mesyuarat.

6. (1) Lembaga suatu kemudahan psikiatri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 4 bulan dan pada masa lain sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

(2) Lembaga suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 4 bulan dan pada masa lain sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

(3) Sekiranya Pengerusi Lembaga tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, Timbalan Pengerusi Lembaga hendaklah menjadi pengerusi bagi mesyuarat itu dan jika Timbalan Pengerusi juga tidak hadir, Menteri hendaklah melantik mana-mana ahli lain sebagai pengerusi bagi mesyuarat itu.

Pelawat kemudahan psikiatri dan tempat kediaman psikiatri masyarakat.

7. (1) Pelawat suatu kemudahan psikiatri dan Pelawat suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga.

(2) Pelawat suatu kemudahan psikiatri hendaklah mengandungi —

(a) seorang ahli psikiatri yang tidak bekerja di kemudahan itu; dan

(b) tidak kurang dari dua orang lain.

(3) Pelawat suatu tempat kediaman psikiatri masyarakat hendaklah mengandungi —

(a) seorang pengamal perubatan;

(b) seorang jururawat Kerajaan atau seorang jururawat berdaftar yang tidak bekerja di tempat kediaman psikiatri masyarakat itu atau mempunyai pesakit-pesakit di tempat kediaman psikiatri masyarakat itu; dan

(c) tidak kurang dari seorang orang lain.

Keputusan Lembaga.

8. Keputusan Lembaga untuk mengesyorkan pelepasan seseorang yang ditahan atau dikurung di bawah bab 317 atau 321 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggai 7) atau di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan sebarang undang-undang bertulis lain mestilah sebulat suara, tetapi keputusan Lembaga mengenai apa-apa perkara lain bolehlah dengan kelebihan suara.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 26 haribulan Mei, 2014.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.